

11 MAY 1996

Konvensyen

KONVENSYEN ULANGTAHUN UMNO KE-50 BERMULA

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Konvensyen Ulangtahun Umno ke-50 bagi mencorak arah tuju parti itu pada abad ke-21 bermula di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pagi ini.

Konvensyen sehari, pada hari kelahiran Umno ini, dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno.

Ia disertai kira-kira 2,700 orang terdiri daripada anggota Majlis Tertinggi parti; Exco Pergerakan Pemuda; Exco Pergerakan Wanita; 15 wakil daripada setiap bahagian Umno; anggota veteran Umno dan wakil kelab-kelab Umno seluruh dunia.

Kira-kira 800 jemputan daripada pelbagai sektor, parti-parti Melayu dan wakil negara asing turut hadir pada majlis itu.

Konvensyen itu membincangkan empat kertas kerja iaitu mengenai politik yang dibentangkan oleh Dr Mahathir menerusi ucapan dasarnya, ekonomi oleh tokoh korporat Melayu Datuk Seri Yahaya Ahmad, pendidikan dan sosio-budaya oleh Tan Sri Awang Had Salleh dan Agama oleh Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Datuk Prof Dr Ismail Ibrahim.

Konvensyen akan diakhiri dengan rumusan mengenai hala tuju Umno pada abad ke-21.

Acara hari ini ialah kemuncak sambutan ulangtahun setengah abad Umno. Malam tadi satu perhimpunan raksasa "Perhimpunan Perdana Umno 50 Tahun" diadakan di Dataran Merdeka.

Satu acara Larian Bendera Umno yang dibawa dari empat penjuru negara secara berganti-ganti oleh anggota Pergerakan Pemuda dan berakhir di Dataran Merdeka telah juga diadakan bagi memeriahkan sambutan.

Malam ini Jamuan Perdana 50 Tahun Umno akan diadakan di Dewan Merdeka, PWTC.

-- BERNAMA

AFY AKD